



# **MUZAKARAH**

## **SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

### **KERTAS KERJA**

**MEMPERKASA INSTITUSI ISLAM BAGI MENJULANG  
AGAMA DAN MENGAKAR UMAT MELAYU**

Disediakan Oleh :  
**Y.BHG. Dato' Wan Mohamad Bin Dato' Sheikh Abdul Aziz**

**ISNIN 6  
FEBRUARI  
2017**

**AMANJAYA CONVENTION CENTRE  
CASUARINA @ MERU, BANDAR MERU RAYA IPOH, PERAK**

**MEMPERKASA INSTITUSI ISLAM BAGI MENJULANG AGAMA DAN MENGAKAR UMAT MELAYU**

Oleh:  
**Wan Mohamad Bin Abdul Aziz**

**ABSTRAK**

*Sebenarnya kedaulatan Raja-Raja Melayu terbukti sejak abad ke-13 lagi. Serentak dengan itu, kedaulatan Islam tertegak di negeri-negeri Melayu dan ia semakin dimartabatkan dengan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 dan penubuhan Malaysia pada 16 September 1963. Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan dengan jelas bahawa urusan agama Islam adalah di bawah kuasa negeri di mana Raja bertindak sebagai Ketua Agama di negeri masing-masing. Bagi negeri yang tidak beraja, Yang Di Pertuan Agung adalah Ketua Agama bagi negeri-negeri tersebut. Selain itu, ia menyenaraikan dengan jelas kuasa, tanggungjawab dan peranan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Penyenaraian ini memberi mesej jelas tentang kepentingan kerjasama antara kedua-dua kerajaan dalam sebuah Persekutuan. Kertas kerja ini akan memfokuskan usaha memperkasa institusi Islam melalui kerjasama strategik yang perlu diperkujuh dan diperkasakan bagi menangani cabaran dan isu semasa pengurusan hal ehwal Islam di Malaysia. Tumpuan utama ialah peranan Pihak Berkuasa Agama Negeri dan beberapa Agensi Agama Persekutuan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR).*

**PENDAHULUAN**

Dalam banyak perkara, Alhamdulillah Malaysia diakui berjaya menempatkan diri sebagai pendahulu dan peneraju dalam pelaksanaan ajaran Islam yang sistematik lagi berstruktur. Kita menjadi antara negara anggota OIC (57 buah Negara) yang aktif lagi disegani serta sering digandingkan dengan Turki sebagai penanda aras. Ada ketika kelihatan pemimpin kita sering mendendangkan puji-pujian yang diterima dari negara sahabat.

Umpamanya kisah kejayaan industri kewangan Islam, percambahan universiti bertaraf dunia serta urus tadbir institusi pengurusan Islam yang berintegriti, merupakan beberapa contoh klasik yang sering diwacanakan dalam persidangan dan forum antarabangsa. Rakyat Malaysia yang sering keluar negara juga berbangga dengan imej negara dan imej pemimpin-pemimpin yang banyak berjasa dalam pembangunan dan kemajuan hal ehwal Islam.

Namun sejarah membuktikan sesbuah negara atau empayar besar hanya mampu bertahan dan meluas jika para pemimpin khasnya dan jentera pemerintahan amnya, tidak leka dengan puji-pujian atau mudah tergugat dengan persaingan dan ancaman. Selain itu usaha transformasi yang berterusan memungkinkan sistem pemerintahan terus relevan. Ia juga akan menjadi pemangkin kepada pembangunan masa depan.

Dasar dan program lama sentiasa memerlukan penilaian semula serta penambahbaikan. Kaedah dan pendekatan dalam perlaksanaannya juga memerlukan anjakan agar sentiasa berjaya memikat hati rakyat. Dasar, program atau corak organisasi yang diperkenalkan pada abad atau dekad yang lalu, tidak semestinya 'tidak boleh disentuh'. Penerokaan dan 'pembedahan' yang baru mungkin menjadikan dasar, program atau organisasi tersebut semakin relevan dan berada di kedudukan yang sentiasa terbaik pada zamannya, sebagaimana ia adalah yang terbaik ketika mula diperkenalkan dahulu kala.

Walau bagaimanapun di sebalik keghairahan inginkan perubahan dan kemajuan, kita sewajibnya bijak mempertahankan kedaulatan dan maruah institusi sedia ada yang pada hakikatnya menjadi tunjang kepada kewujudan umat dan negara.

**KEPERLUAN TRANSFORMASI INSTITUSI ISLAM**

Pengurusan Islam di peringkat negeri diyakini akan berada di tahap lebih kukuh andainya kita memanfaatkan keluasan sistem rangkaian dengan pihak yang boleh dianggap sebagai sahabat kepada Pihak Berkuasa Agama Negeri. Mereka sebenarnya bergerak aktif di banyak medan pengurusan. Sebahagiannya bertindak sebagai *key-player* bagi menyelaras urusan agama Islam di peringkat Persekutuan, selaras dengan titah arahan Majlis Raja-Raja. Untuk muncul sebagai agensi agama berprestasi tinggi yang mampu menghasilkan aktiviti berimpak tinggi lagi berpanjangan, rangkaian intim dengan pihak kedua dan ketiga perlu dizahirkan selaras dengan amalan *good governance* yang menjalankan sektor kerajaan, sektor swasta, dan sektor masyarakat civil atau NGOs.

Penulis berpandangan adalah elok kita meneliti dan menilai sejauh mana kerjasama strategik antara agensi Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Umpamanya kerjasama antara agensi negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, Jabatan Mufti Negeri, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri, dengan Jakim, JKSM, JAWHAR, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), dan Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) di peringkat persekutuan. Begitu juga hubungan dan kerjasama dengan NGO yang berorientasikan dakwah, kebajikan, kemanusiaan, dan feminism.

Semakan terperinci perlu untuk menilai tahap kerjasama dengan NGO bertaraf nasional, samada yang mempunyai cawangan di Negeri ataupun tidak serta NGO yang beroperasi peringkat Negeri sahaja. Penulis percaya sekiranya diwacana atau dibengkelkan, pasti banyak lagi ruang dan peluang kerjasama yang boleh diperluaskansama ada dalam bentuk dua hala, tiga hala, atau kerjasama bersaling. Selain dari kita dapat mengelak atau meminimumkan pembaziran sumber, pertindihan sasaran, kita juga boleh meningkatkan lagi inisiatif perkongsian kepakaran.

Sekadar contoh, agensi Kerajaan, dalam kerja dakwah dan kebajikannya lebih mensasarkan institusi kekeluargaan. Sementara NGO yang agak bebas dari *red-tape* pengurusan akan lebih memfokuskan golongan remaja liar, bantuan kemanusiaan dan lain-lain tugas yang memerlukan ramai sukarelawan. Mungkin tugas ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh agensi Kerajaan kerana kekurangan sumber tenaga manusia, walaupun ia berkemampuan dalam pelbagai sudut lain.

Kejayaan pelaksanaan program Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA), Program Ta'mir Masjid Surau, pengwujudan Pegawai Penyelaras Masjid Daerah (PPMD), Persijilan Halal dan bayaran imbuhan bulanan Imam Rakyat yang dilaksanakan bersama dengan Jakim, merupakan contoh

Terbaik. Walau bagaimanapun, hakikatnya produk dan bidang kerjasama ini banyak yang dimulakan sekitar awal 1990-an. Tentu di saat ini dan bagi menghadapi tuntutan masa depan, kita patut menghasilkan produk baru yang lebih inovatif sesuai dengan tuntutan dan keperluan semasa. Antara bidang baru yang boleh diteroka ialah dakwah, pendidikan remaja menengah dan lepasan sekolah serta bidang latihan bagi mengeluarkan *da'ie* dan ulama muda.

Pihak Berkuasa Agama Negeri juga boleh mengambil kira peranan banyak lagi agensi atau organisasi di peringkat persekutuan yang tidak dijenamakan dengan nama atau imej keagamaan, tetapi ia memainkan peranan utama dan aktif dalam melonjakkan lagi pengurusan Islam sama ada di peringkat nasional, serantau atau antarabangsa.

Sekadar contoh pihak Bank Negara Malaysia dan Security Commission merupakan pihak yang diamanahkan oleh kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Hub Kewangan Islam Antarabangsa sama ada dalam sektor perbankan, takaful, atau sekuriti. Sebenarnya sejak tahun 2007 lagi, Jawatankuasa Eksekutif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (MIFC), Bank Negara Malaysia mengumumkan bahawa Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr. Nazrin Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin Shah, Raja Muda Perak Darul Ridzuan ketika itu, telah berkenan menerima undangan sebagai Duta Kewangan bagi inisiatif MIFC antarabangsa. Dengan penglibatan baginda, nama Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam dan pengaruhnya di peringkat global berjaya dilonjakkan dengan lebih pantas serta membawa impak yang tinggi.

Selain itu, antara yang boleh diteroka dan diperluaskan ialah pihak Majlis Agama Negeri menaja pelajar cemerlang lagi terpilih untuk menjalankan penyelidikan di International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) atau mengikuti pengajian di International Centre of Education in Islamic Finance (INCEIF), samada di peringkat Chartered Islamic Finance Professional (CIFP), sarjana atau PhD.

ISRA dan INCEIF merupakan institusi di bawah Bank Negara Malaysia. Difahamkan banyak institusi kewangan Islam antarabangsa sedang merebut peluang ini dengan menghantar pelajar atau pegawai mereka untuk meningkatkan kepakaran dalam bidang Kewangan Islam. Majlis Agama Islam Negeri sewajarnya mengambil peluang ini untuk melahirkan lebih ramai pakar Muamalat dari kalangan anak bangsa untuk berkhidmat dengan institusi kewangan islam tempatan dan luar negara. Kita tidak dapat membayangkan betapa besarnya peranan dan sumbangan institusi ini dalam membebaskan umat Islam di Malaysia dan seluruh dunia dari belenggu *mu'amalah ribawiyyah*.

Kita juga tidak boleh mengabaikan peranan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dalam pembangunan dan persijilan halal. Begitu juga Kementerian Pelajaran dengan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Kementerian Pengajian Tinggi yang mengawalselia puluhan IPTA dan IPTS yang dimiliki Pihak Berkuasa Agama Negeri. Kementerian Dalam Negeri juga sentiasa mengawal dan menguatkuasakan undang-undang pencegahan untuk membendung aliran ekstrimisme agama dan aliran atau gerakan yang menghina Islam sebagai Agama Bagi Persekutuan. Sementara Jabatan PEGUAM NEGARA bersama Jakim gigih menggubal dengan tekun pelbagai draf undang-undang seragam untuk diterima pakai oleh semua Pihak Berkuasa Agama Negeri setelah diperkenalkan oleh semua Ketua Agama Negeri. Sebenarnya hampir semua Kementerian mempunyai agensi atau peranan keislaman, kalaupun ia difahami dalam konteks takrif Islam tradisional.

## BIDANG KRITIKAL

Kerjasama antara institusi Islam di bawah Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan sebaiknya difokuskan kepada tiga bidang kritikal :

- a) Pengurusan dan pengimarahana masjid surau
- b) Institusi pendidikan Islam : rendah, menengah dan pengajian tinggi
- c) Pembangunan aset khasnya hartanah

### Pengurusan dan Pengimarahana Masjid Surau

Beberapa buah masjid di Malaysia sering dijadikan penanda aras oleh banyak Jabatan/Majlis Agama Negeri, sebagaimana mereka juga sering berkiblatkan banyak masjid di Republik Singapura. Namun impian kita ialah ingin melihat semua masjid juga surau, samada di Perak atau di seluruh Malaysia keluar dari stigma dan imej 'kelab untuk orang dewasa sahaja' akibat dari kekurangan aktiviti dan perkhidmatan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan remaja dan kanak-kanak. Ada ketika, wajah masjid dan surau terlalu kelakian sifatnya, kerana kurang kemudahan untuk golongan wanita.

Antara fenomena yang memualkan ialah wanita yang sempurna menutup auratnya masih mampu menutup aurat ketika membeli-belah di shopping mall, berkelah di pantai atau taman rekreasi. Namun ketika mereka singgah di masjid untuk solat musafir, masih terdapat masjid yang samasekali 'tidak mesra wanita'. Antara puncanya, tempat wudhu' wanita terbuka sama seperti tempat untuk lelaki. Untuk mengambil wudhu' dengan sempurna, wanita tersebut perlu dan terpaksa menyelak lengan baju atau kain tudungnya. Tentulah yang paling kesal dan terhiris hati ialah wanita yang tidak pernah mendedah aurat di tempat awam yang lain, tetapi masjid A yang disinggahinya menjadi kenangan pahit sebagai tempat dia mendedahkan auratnya.

Pengurus masjid samada di peringkat Jabatan atau jawatankuasa masjid sewajarnya mengamalkan dasar pintu terbuka kepada penganut agama lain. Dalam erti kata lain, masjid bukan hanya tempat sujud atau pusat ibadat bagi penganut agama Islam yang suci, bahkan ia juga mampu menjadi premis yang mempertemukan penganut Islam dan bukan Islam berpandukan garis panduan serta adab yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri, khususnya Jabatan Mufti Negeri. Sehubungan itu, pengurus masjid perlu dipandu untuk mengadakan aktiviti dakwah bagi menarik penganut bukan Islam dalam pelbagai bentuk dan pendekatan.

Mungkin Jakim bersama rakan strategik seperti Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri dan NGO yang berpengalaman dalam *outreach programme*, membangunkan modul khas untuk pengunjung bukan Islam. Bahkan agenda *religious tourism* yang digerakkan oleh Kementerian Perlancongan Malaysia melalui Tourism Malaysia perlu diberi perhatian berat dan sokongan padu oleh Pihak Berkuasa Agama Negeri.

#### **Institusi Pendidikan Islam: Rendah, Menengah Dan Pengajian Tinggi**

Pihak Berkuasa Agama Negeri wajar meningkatkan azam bagi menjadikan institusi pendidikan Islam kelolaannya, pada semua tahap, mencapai taraf sekolah atau kolej berprestasi tinggi serta mampu bersaing dalam arena industri pendidikan Negara. Sudah lama tiba masanya Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) mampu memikat murid/pelajar dari luar Negara khasnya dari negara jiran.

Dalam erti kata lain, kualiti akademik dan pengurusan di institusi tersebut mampu menyakinkan pihak luar dan akhirnya proses pengantarabangsaan tidak hanya terhad diperingkat IPTA dan IPTS sahaja. Melalui inisiatif seumpama ini, sekurang-kurangnya

kita dapat memikat hati ibu bapa di Malaysia yang sanggup menghantar anak-anak kecil mereka belajar agama di sekolah rendah dan menengah di luar negara seperti Republik Indonesia, Mesir, Afrika Selatan dan dulunya di Syria, Yaman serta banyak lagi.

Mungkin sudah tiba masanya di setiap negeri, pihak Majlis/Jabatan Agama Negeri mewujudkan sebuah Sekolah Rendah Agama dan Sekolah Menengah Agama yang menggunakan lebih dari satu bahasa pengantar (Bahasa Arab dan English, selain dari Bahasa Malaysia) seperti yang dilaksanakan oleh beberapa NGO di Malaysia. Lembaga Penasihat Penyelarasaran Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam (LEPAI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja dan diurussetiakan oleh Jakim, boleh memperkenalkan model sekolah berkenaan.

#### **Pembangunan Aset/Hartanah**

Sesuatu yang jarang didapati dalam pengurusan aset ialah usahasama antara Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi membangun atau memiliki aset. Umpamanya usahasama untuk membangunkan tanah waqaf milik salah satu pihak samada di negeri masing-masing atau di pusat bandaraya Kuala Lumpur.

Sebagai Badan Berkanun, mana-mana Majlis Agama boleh melalui anak syarikat masing-masing berurusniaga dengan mana-mana pihak dan tidak semestinya dalam lingkungan wilayah negeri masing-masing. Umpamanya adalah tidak mustahil di masa hadapan mana-mana Majlis Agama Islam Negeri bersama Tabung Haji memiliki ladang kelapa sawit di Riau dan Mindanao atau memiliki bangunan penginapan di dua tanah suci Makkah Al-Mukarramah dan Al-Madinah Al-Munawwarah.

Sebenarnya kerjasama pintar antara Majlis Agama Islam Negeri dengan pihak di luar wilayah negeri masing-masing bukanlah sesuatu yang baru. Jika diimbau, sejarah penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad pada 1983, semua Majlis Agama Islam Negeri terlibat sebagai pengasas melalui pegangan saham.

#### **PENUTUP DAN SYOR**

Bagi memartabatkan lagi sistem pengurusan Islam dalam pentadbiran Negeri-negeri khususnya, penulis dengan rasa tawadhu'nya mohon mencadangkan agar semua agensi dan Jabatan Kerajaan peringkat negeri, pada setiap masa hendaklah meletakkan agenda pembangunan dan kemajuan Islam sebagai agenda penting dan sentiasa diberi keutamaan. Dalam konteks Negeri Perak Darul Ridzuan, peneraju dan badan pemikir serta pembuat polisi bertanggungjawab menterjemahkan mandat dan aspirasi pemerintah negeri Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizzuddin Shah yang dizahirkan oleh

Baginda pada 13 Februari 2015, sempena majlis pengurniaan watikah kepada ahli-ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. *Pelan Strategik 2016 – 2021 Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Islam Perak*, perlulah dijadikan rujukan utama dan *blue print* dalam rangka perencanaan setiap aktiviti.

Sementara semua agensi Kerajaan Persekutuan, termasuk yang beroperasi melalui cawangan di negeri juga bertanggungjawab membantu dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri bagi memperhebatkan lagi agenda keislaman **selaras dengan kedudukan agama Islam sebagai Agama Bagi Persekutuan**. Sehubungan itu, Agensi Pusat seperti Perbendaharaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam serta MAMPU perlu lebih kerap 'turun negeri' untuk mengkaji dan meneliti keperluan semasa serta masa depan bagi Agensi Negeri, terutama yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam.

Dengan melaksanakan tanggung jawab tersebut, bermakna kita dengan sebenarnya menjunjung Perlembagaan Persekutuan khasnya Perkara 37(1) serta menghormati Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara yang sebelum menjalankan tugas-tugasnya, mengangkat dan menandatangani suatu sumpah jawatan yang ditandatangani di hadapan Majlis Raja-Raja dan di hadapan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan. Setelah bersumpah dengan lafaz Wallahi, Wabillahi, Watallahi, baginda berikrar antara lain dengan lafaz '....berikrar mengaku dengan sesungguh dan dengan sebenarnya memeliharakan pada setiap masa Ugama Islam.

Sehubungan itu, sukacita penulis dengan rendah hati mengesyorkan tindakan untuk :

1. Membentuk sebuah pasukan pakar bagi melaksanakan penyelidikan yang akan memperakarkan *Pelan Jangka Panjang Pembangunan Umat Islam Negeri Perak Darul Ridzuan*, meliputi bidang pemodenan pengurusan, pembangunan sosio-ekonomi, dakwah, tarbiah dan lain-lain yang relevan.
2. Menimbang penubuhan sebuah institusi penyelidikan Islam mengikut model *Majma' Al-Buhus Al-Islamiyyah* peringkat Negeri yang menumpukan kajian dalam bidang pengurusan dakwah, ifta'/kefatwaan serta pengajian alQuran dan alHadith. Keunikan institusi ini ialah keupayaannya untuk membantu Pihak Berkuasa Agama Negeri dan Kerajaan dalam penggubalan dasar-dasar keislaman. Ia juga akan menjadi platform untuk ulama' dan pemikir masa depan berbakti untuk Negeri secara khususnya dan Negara secara amnya.

3. Menyeru Kerajaan Persekutuan khasnya Jakim, JAWHAR dan JKSM menerus dan meningkatkan lagi pakej bantuan dan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Agama Negeri Perak Darul Ridzuan dalam bidang dakwah, pendidikan, pembangunan aset serta usaha menaiktaraf institusi kehakiman syariah.

WMAZ

5 J.Awwal 1438 H / 2 Februari 2017

# *Catatan*



## Biodata Personal

### DATO' WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABDUL AZIZ

Alamat Pos: Darul Hana, 25, Lot 1664, Jalan ABIM, Off Jalan Melati 1, Kampung Sungai Ramal Dalam, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.  
No. Telefon: +6012 2399864

E-mel: sidi\_wan@yahoo.com  
Kemaskini: 1.11.2016

**"Dato' Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abdul Aziz,** dilahirkan pada 23 April 1953 di Kaherah Mesir tapi dibesarkan di Kupang Baling Kedah. Memulakan perkhidmatan di Jakim (Bahagian Ugama Jabatan Perdana Menteri, ketika itu), pada 1978 sehingga bersara. Sepanjang tempoh tersebut beliau pernah ditempatkan di INDAH (Institut Dakwah dan Latihan Islam), Pusat Penyelidikan Islam, Atase Agama di Malaysian High Commission London, Ketua Pendaftar Nikah Cerai Rujuk JAWI, Pengarah Darul Quran, Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga Sosial dan Masjid (KESUMA), Pengarah Bahagian Penyelidikan, Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan akhir sebagai Ketua Pengarah Jakim mulai Julai 2007 sehingga bersara wajib pada 23 April 2011. Semasa dalam perkhidmatan, beliau juga bertindak sebagai Setiausaha Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Setiausaha Lembaga Penyelarasaran Pembangunan Pendidikan Islam (LEPAI), Setiausaha Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam, Majlis Raja-Raja serta pelbagai Jawatankuasa peringkat dasar. Beliau pernah dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Standard Industri (Halal) SIRIM Bhd yang bertanggungjawab menggubal Standard Halal Malaysia.

Selepas bersara beliau menumpukan perhatian kepada kerja kebajikan sebagai Penasihat atau Ahli Jawatankuasa beberapa NGO dan Yayasan antaranya sebagai Timbalan Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia (PUM), Pengerusi Yayasan Ihtimam Malaysia (Januari 2012 hingga Jun 2016), Setiausaha dan Ahli Majlis Syura Rabitah Antarabangsa Alumni al-Azhar Malaysia @ World Association for al-Azhar Graduates (WAAG Malaysia), Ahli Lembaga Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Ahli Jawatankuasa Ibadat Haji Tabung Haji, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dan AJK Induk Majlis Dakwah Negara YADIM. Beliau turut dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat Syariah Takaful Malaysia dan Ahli Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah SPRM. Beliau tamat pengajian dari UKM pada 1978, dengan ijazah Sarjanamuda Kepujian Pengajian Islam, bidang Syariah dan juga Diploma Pendidikan. Beliau turut memiliki Diploma Sains Pengurusan dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1988 dan menjadi ahli badan profesional dari United Kingdom, iaitu Member British Institute of Management atau MBIM. Anugerah yang diperolehi, Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan Perdana Menteri pd 1981 dan 1996, Darjah A.M.N pada 1998 dan K.S.D pada 2002 oleh DYMM Yang di-Pertuan Agung, D.S.D.K pada 2006 oleh Sultan Kedah, Anugerah Standard Malaysia oleh MOSTI pada 2011 dan dua kali menerima Medal dan Darjah kebesaran dari Kerajaan Kemboja.